



KERAJAAN MALAYSIA


SURAT PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 1999

**PENGGUNAAN KERETA NASIONAL SEMASA
LAWATAN MENTERI-MENTERI PERSEKUTUAN
KE NEGERI-NEGERI**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

Dikelilingkan Kepada:

Ketua-Ketua Setiausaha, Kementerian-Kementerian Persekutuan
Ketua-Ketua Pengarah, Jabatan-Jabatan Persekutuan
Ketua Pengarah/Pengurus Besar Badan-Badan Berkanun
Y.B Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN,
50502 KUALA LUMPUR

Telefon: 2581957
Kawat : PERDANA
Fax : 2984172

Rujukan Kami : PM (S) 10034 Jld. 8/(21)

Tarikh : 25-2-1999

Ketua-Ketua Setiausaha, Kementerian-Kementerian Persekutuan
Ketua-Ketua Pengarah, Jabatan-Jabatan Persekutuan
Ketua Pengarah/Pengurus Besar Badan-Badan Berkanun
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

SURAT PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 1999

PENGGUNAAN KERETA NASIONAL SEMASA LAWATAN MENTERI-MENTERI PERSEKUTUAN KE NEGERI-NEGERI

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan penggunaan kenderaan Y.A.B Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan Y.B. Menteri-Menteri semasa menjalankan tugas-tugas rasmi atau lawatan ke negeri-negeri.

2. Latar Belakang

- 2.1 Kerajaan telah memutuskan bahawa pengimpotan kereta mewah dari jenis Mercedes Benz dan Volvo untuk kegunaan Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Y.B Menteri-Menteri, Y.B. Timbalan-Timbalan Menteri dan Y.B. Setiausaha Parlimen diberhentikan dan sebaliknya mereka yang berkelayakan diberi kereta Proton Perdana.
- 2.2 Sejalan dengan keputusan tersebut kereta rasmi dan khas dari jenis Mercedes Benz dan Volvo yang sedia ada ataupun hakmilik kerajaan yang sedia dipakai diberi kelonggaran untuk terus digunakan oleh mereka yang layak sehingga diganti baru.

3. Penggunaan Kereta Nasional

- 3.1 Selaras dengan dasar menggalakkan lagi penggunaan kereta nasional Kerajaan telah memutuskan bahawa adalah tidak perlu Kerajaan-kerajaan Negeri menyewa kereta-kereta impot semasa lawatan-lawatan Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan Y.B. Menteri-Menteri semata-mata kerana tidak ada kereta impot milik Kerajaan Negeri untuk kegunaan mereka. Adalah lebih sesuai Kerajaan-kerajaan Negeri menyediakan kereta jenis Proton Perdana untuk kegunaan Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan Y.B. Menteri-Menteri.

4. Kuatkuasa

- 4.1 Surat Pekeliling Am ini berkuatkuasa sertamerta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ABDUL HALIM ALI)
Ketua Setiausaha Negara